

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 16 MAC 2023
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 29

UiTM Puncak Alam pertama lancar mesin layan diri IPR

UiTM Puncak Alam pertama lancar mesin layan diri IPR

Oleh ZAKKINA WATI
AHMAD TARMIZI
utusannews@mediamulia.com.my

SEREMBAN: Universiti Teknologi Mara (UiTM) Puncak Alam di Selangor akan menjadi kampus pertama melancarkan mesin layan diri menerusi Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) yang akan menjual makanan pada harga RM2 hingga RM5.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, mesin itu akan dilancarkan di kampus berkenaan pada 21 Mac dan akan diperluaskan ke tempat-tempat lain pula.

"Pemilihan lokasi-lokasi seperti itu mengambil kira ia sesuai untuk diletakkan makanan pada harga anggaran RM2 sehingga RM5 dan dapat memberi impak kepada orang ramai sekitarnya," ujar beliau selepas mengadakan lawatan ke tapak Mesin Layan Diri Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) di Stesen Bas Terminal 1 Seremban di sini semalam.

Menurutnya, hospital, pejabat swasta juga akan mempunyai mesin itu dan proses tersebut berterusan sepanjang masa. "Memang itu perancangan-



RAFIIZI Ramli (tengah) dan Aminuddin Harun (kanan) mencuba mesin layan diri ketika mengadakan lawatan ke tapak Mesin Layan Diri Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) di Stesen Bas Terminal 1 Seremban, Seremban, semalam. - UTUSAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN

nya dan kita akan pergi ke tempat awam dan tempat-tempat yang ramai pengunjung ataupun kawasan yang kita tahu makanan pada harga RM2 sehingga RM5 ini akan berikan kesan yang besar seperti di kampus,"

katanya.

Hadir sama pada majlis itu, Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun dan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban (MBS), Datuk Masri Razali.

Rafizi berkata, kementerian kini sedang memuktamadkan seberapa banyak lokasi di seluruh negara bagi diletakkan mesin layan diri berkenaan dengan sasaran 5,000 orang penerima mesin tersebut.